



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SABTU 12 DISEMBER 2020**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	FOOD SECURITY SOLUTIONS, BUSINESS TIMES, NST -21	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	MAQIS PERLU ANGGOTA TAMBAHAN UNTUK KAWAL KEMASUKAN BARANGAN DI PINTU SEMPADAN NEGARA, BERNAMA -ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
3.	TIMBALAN MENTERI LAWAT SYARIKAT USAHAWAN BIMBINGAN FAMA, SH -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
4. 5. 6.	MARDI PERKSA INOVASI MAKANAN, SH -ONLINE MARDI BUKA 'TEST BED,' LANCAR PRODUK INOVASI, MY METRO -ONLINE MARDI LAUNCHES FOOD TECHNOLOGY INNOVATIONS, TEST BED LABORATORY, BERNAMA -ONLINE	INSTITUT KEMAJUAN DAN PENYELIDIKAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
7.	AGROBANK TERBITKAN BUKU KHAS, SH -ONLINE	AGROBANK
8. 9. 10.	NAFAS AGIH RM5.31 JUTA ZAKAT, MY METRO -ONLINE NAFAS AGIH RM5.31 JUTA ZAKAT BABITKAN 26,550 PENERIMA DI SELURUH NEGARA, BERNAMA -ONLINE NAFAS AGIH RM5.31 JUTA WAKALAH ZAKAT KE SELURUH NEGARA, SH -ONLINE	PERTUBUHAN PELDANG KEBANGSAAN (NAFAS)

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	FOOD SECURITY SOLUTIONS		
MediaTitle	New Straits Times		
Date	12 Dec 2020	Color	Full Color
Section	Business Times	Circulation	36,278
Page No	21	Readership	108,834
Language	English	ArticleSize	327 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,272
Frequency	Daily	PR Value	RM 33,816



**FOOD SECURITY SOLUTIONS**  
 Agriculture and Food Industries Datuk Seri Dr Ronald Klandee (second from left) with (from left) Sunway Group chief innovation officer and Sunway iLabs director Matthijs van Leeuwen, Sunway Group chairman and founder Tan Sri Dr Jeffrey Cheah and Sunway iLabs venture head Eleanor Choong during a visit to Sunway Future X Farm, Malaysia's first urban farming innovation hub, recently.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/12/2020	BERNAMA	ONLINE	

## MAQIS perlu anggota tambahan untuk kawal kemasukan barangan di pintu sempadan negara



Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Ahmad Hamzah diiringi Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Dr Azhari Sharidah Abu Bakar (dua, kiri) ketika melawat ke pejabat MAQIS di Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB) Tanjung Kupang, Gelang Patah pada lawatan kerja ke kompleks tersebut hari ini. --

ISKANDAR PUTERI, 12 Dis -- Pembongkaran kes kartel yang menyeludup masuk daging sejuk beku ke Malaysia baru-baru ini memperlihatkan terdapat keperluan mendesak untuk menambah anggota Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) di semua pintu masuk negara.

Timbalan Ketua Pengarah MAQIS Dr Azhari Sharidah Abu Bakar berkata hal ini ekoran jabatan tersebut hanya mempunyai seramai 467 anggota untuk mengawal 57 pintu masuk di Semenanjung Malaysia.

Beliau berkata pemeriksaan di Sabah dan Sarawak pula terletak di bawah agensi berkaitan seperti Jabatan Veterinar, Jabatan Pertanian dan Jabatan Perikanan.

"Ketika ini, kita memang menghadapi masalah sebab pegawai kita tidak ramai untuk memeriksa kemasukan barangan di pintu masuk.

"Kita ada memohon pertambahan lebih 100 penjawatan baharu tahun lepas namun hanya 82 penjawatan diluluskan dan ini masih tidak cukup," katanya dalam sidang akhbar sempena program lawatan kerja Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Ahmad Hamzah ke pejabat Maqis di Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB), Gelang Patah di sini malam ini.

Pada 2 Dis lepas, media melaporkan terdapat sindiket yang menyeludup daging sejuk beku dari China, Ukraine, Brazil dan Argentina sebelum dibungkus semula dengan logo halal di sebuah gudang di Senai, Johor Bahru.

Susulan pembongkaran itu, Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Negeri Johor (DPMMNJ) mendesak kerajaan menyiasat secara bersepadu pendedahan wujud kartel yang terbabit dalam penipuan label halal, pemalsuan cap serta pembungkusan semula daging sejuk beku import untuk dijual semula ke pasaran negara.

Mengulas lanjut mengenai kekurangan anggota, Dr Azhari Sharidah berkata di Pelabuhan Klang contohnya, hanya terdapat 24 anggota ditugaskan untuk menjalankan pemeriksaan secara manual terhadap 400 kontena sehari dan jumlah ini jelas tidak mencukupi.

"Pertambahan anggota lebih penting kerana pemeriksaan kami ketika ini tertumpu kepada barangan import yang melibatkan penggunaan kontena sejuk beku seperti daging dan ikan.

"Ini berikutan produk terbabit diklasifikasikan sebagai barangan berisiko tinggi terutamanya daging kerana produk terbabit hanya boleh diimport dari loji pemprosesan yang mendapat kelulusan Jabatan Veterinar dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia," katanya.

Sementara itu, beliau turut memaklumkan pihaknya telah mengeluarkan kompaun mencecah RM3 juta atas lebih 700 kesalahan sejak Januari hingga November lepas dengan kesalahan paling tinggi membabitkan barangan import tanpa permit.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/12/2020	SINAR HARIAN	ONLINE	

## Timbalan Menteri lawat syarikat usahawan bimbingan FAMA



Ahmad diberi penerangan berkenaan biji bunga roselle sebelum melalui proses penggredan bagi tujuan eksport.

BATU PAHAT - Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah melawat Azhar Food Supplier Sdn Bhd di Jalan Pontian, Rengit dekat sini hari ini.

Beliau meluangkan masa kira-kira satu jam melihat produk yang dihasilkan Azhar Food Supplier selain turut diberikan taklimat ringkas.

Azhar Food Supplier merupakan salah satu usahawan yang berjaya di bawah bimbingan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

Pelbagai jenis kerepek dihasilkan dan antara yang popular kerepek ubi, kerepek ubi pedas basah dan kering, kerepek pisang salai goreng, kerepek tempe sagu serta kerepek ubi perisa tomato.



Syarikat berkenaan merupakan pengeluar, pengimport dan pemborong makanan ringan selain menjadi pusat pengumpulan produk-produk industri kecil dan sederhana (IKS) di daerah ini dan seluruh Johor.

Turut menjual pelbagai jenis kerepek, asam, kacang, kuih raya dan pelbagai jenis makanan ringan pada harga borong.

Antara produk mereka yang popular seperti kerepek ubi, kerepek ubi pedas basah dan kering, kerepek pisang salai goreng, keropok tortilla, kerepek tempe sagu, kerepek ubi perisa tomato serta kuih cincin Sabah.



Terdapat dua cawangan Azhar Food Supplier iaitu di Rengit dan satu lagi di Jalan Padi Emas 6/2, Bandar Baru Uda, Johor Bahru.

Selepas melawat Azhar Food Supplier, Ahmad melawat Pusat Memproses Makanan FAMA Rengit di sini.

Ahmad dan kakitangan FAMA merakam kenangan semasa melawat Pusat Memproses Makanan FAMA Rengit, di Rengit, Batu Pahat, hari ini.





Dalam lawatan itu, beliau dibawa melihat Kilang Pemprosesan Roselle dan Produk-produk Agromas seperti seri kaya madu, Ready to drink (RTD) durian belanda, limau kasturi dan roselle, kordial roselle, jem belimbing, nanas dan roselle.

Ahmad turut diberi pendedahan berkaitan aktiviti mendekor bunga roselle (membuang biji) untuk penggredan bunga roselle bagi tujuan eksport.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/12/2020	SINAR HARIAN	ONLINE	

## MARDI perkasa inovasi makanan



Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah (dua dari kiri) melihat proses pembuatan 'Coklatcips' semasa mengadakan lawatan ke Test Bed pada majlis pelancaran produk inovasi makanan dan minuman Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Perasmian Test Bed Teknologi MARDI di Pejabat MARDI, Bukit Lintang hari ini. - Foto Bernama

MELAKA - Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) melancarkan Produk Inovasi Makanan MARDI dan Makmal 'Test Bed' Teknologi MARDI bagi Stesen MARDI Melaka di sini semalam.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, produk inovasi makanan tersebut adalah Teknologi Gelelung Mangga Tinggi Antioksidan dan Produk Minuman Difermentasi dari buah nadir Ceri Terengganu, buah kuini

dan teh.

"Gelelung Mangga Tinggi Antioksidan merupakan makanan snek kesihatan mudah dibawa dan mengandungi antioksidan yang tinggi, bebas kandungan lemak dan tidak mengandungi pewarna dan perasa tambahan, serta berpotensi menggantikan buah-buahan asli sebagai sumber nutrien.

"Produk Minuman Difermentasi dari buah nadir Ceri Terengganu, kuini dan teh pula mempunyai kandungan antioksidan yang tinggi dan bebas bahan pengawet serta pewarna," katanya selepas Majlis Pelancaran Produk Inovasi Makanan MARDI dan Makmal 'Test Bed' Teknologi MARDI di Stesen MARDI Melaka di sini hari ini.

Pada majlis berkenaan, enam usahawan di bawah program Agropreneur Muda menerima geran peralatan berjumlah RM20,000, manakala lima usahawan di bawah program Rezeki Tani mendapat geran peralatan bernilai RM10,000.

Produk minuman difermentasi dihasilkan menerusi proses penapaian menggunakan 'strain kombucha' yang melibatkan lebih daripada satu mikroorganisma yang selamat dan ditapai selama 21 hari, sebelum cecair yang terhasil ditapis beberapa kali bagi menghasilkan produk bebas mikroorganisma, yang selamat diminum.

Mengulas lanjut, Ahmad berkata, Makmal 'Test Bed' Teknologi MARDI ialah makmal teknologi pemprosesan makanan yang dilengkapi dengan mesin dan peralatan moden untuk kemudahan pengeluaran berskala kecil bagi jenis produk makanan terpilih.

Beliau berkata, makmal itu juga menawarkan kemudahan pemprosesan, khidmat kepakaran dan analisis kualiti yang diperlukan bagi memulakan serta menguruskan proses inovasi teknologi dan perniagaan.

"Makmal 'Test Bed' Teknologi MARDI Melaka yang telah mendapat anugerah pensijilan Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI) oleh Kementerian Kesihatan akan fokus kepada teknologi bakeri seperti pembuatan roti, kek, biskut, croissant dan konfeksionari dodol.

"Makmal 'Test Bed' Teknologi MARDI Melaka ini merupakan pusat sehati kepada usahawan untuk mendapatkan ilmu, teknologi serta khidmat nasihat secara terus, dan saya berharap agar usahawan di negeri ini dapat memanfaatkan teknologi MARDI yang diperkenalkan untuk membantu meningkatkan perusahaan tradisi negeri ini," katanya. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/12/2020	MY METRO	ONLINE	

## MARDI buka 'Test Bed,' lancar produk inovasi



AHMAD Hamzah (dua kiri) ketika perasmian 'Test Bed' yang pertama di Melaka. FOTO Nazri Abu Bakar

Melaka: Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) membuka peluang kepada usahawan tempatan untuk terus berdaya saing menerusi Pusat 'Test Bed' di Melaka sebagai bentuk khidmat sokongandi bawah Program Pembangunan Usahawan agensi terbabit.

Majlis perasmian 'Test Bed' Teknologi MARDI Melaka dan pelancaran produk inovasi makanan disempumakan Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah di Ayer Molek, hari ini.

Hadir sama Exco Pertanian, Penternakan Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri Melaka Datuk Norhizam Hassan Baktee dan Ketua Pengarah MARDI Datuk Dr Mohamad Roff Mohd Noor.

Ahmad Hamzah berkata, 'Test Bed' terbabit ialah makmal teknologi pemprosesan makanan yang dilengkapi dengan mesin dan peralatan moden untuk kemudahan pengeluaran berskala kecil bagi produk makanan terpilih.

Katanya, ianya menawarkan kemudahan pemprosesan serta khidmat kepakaran dan analisis kualiti yang diperlukan untuk memulakan dan menguruskan proses inovasi teknologi dan perniagaan.

"'Test Bed' Teknologi MARDI Melaka turut memperolehi anugerah

pensijilan MeSTI oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) fokus kepada teknologi bakeri seperti pembuatan roti, kek, cookies, croissant dan konfeksioneri dodol.

"'Test Bed' Teknologi MARDI Melaka yang ke-11 dan pertama di Melaka itu juga sebagai 'one-stop centre' bagi usahawan untuk memperolehi ilmu, teknologi serta khidmat nasihat secara terus. Ianya diharap membantu meningkatkan perusahaan tradisi negeri ini," katanya.

Selain daripada itu, beliau turut menyampaikan geran kepada 11 peserta Agroprenur Muda dan Rezeki Tani yang mendapat bimbingan perusahaan dari MARDI bermula fasa awal sehingga berjaya dalam kategori masing-masing.

Sementara itu, beliau turut melancarkan produk-produk inovasi makanan dan minuman Teknologi Gegulung Mangga Tinggi Antioksidan, Produk Minuman Difermentasi iaitu buah nadir ceri Terengganu, kuini dan juga teh.

Kesemua produk yang dihasilkan memiliki tambahan nilai fungsian termasuk tinggi antioksidan serta bebas bahan pengawet, bahan pewarna dan perisa sintetik.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/12/2020	BERNAMA	ONLINE	

## MARDI launches food technology innovations, test bed laboratory



Datuk Seri Ahmad Hamzah (center)

### MARDI launches four agricultural pollution detection kits

MELAKA, Dec 12 -- The Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI) launched its food technology innovations and the Technology 'Test Bed' Laboratory for the Melaka MARDI station here today.

Agriculture and Food Industry Deputy Minister 1 Datuk Seri Ahmad Hamzah said the food innovation products are technologies to produce high antioxidant mango fruit leather and fermented beverage products from under utilised fruits like the Terengganu cherry, *Mangifera odorata* or kuini and tea leaves.

"The mango fruit leather is a healthy snack that is easy to carry, contains high antioxidants, is free of fats, does not contain additional dyes and flavors and has the potential to replace natural fruits as a source of nutrients.



"Likewise the fermented beverage drinks made from Terengganu cherries, kuini fruits and tea leaves are high in antioxidants, preservative-free and do not contain dyes," he told reporters after the launch of the new technologies and the test bed laboratory at MARDI Melaka Station here, today.

At the event, six entrepreneurs under the Young Agropreneur programme, each received equipment grant worth RM20,000 while five others under the Rezeki Tani programme were each given equipment grant worth RM10,000.

The beverage products are produced through a fermentation process using kombucha strains involving more than one microorganism that is safe. After 21 days of fermentation, the resulting liquid is filtered several times to ensure the drink is microorganism free and safe for

consumption.

Elaborating Ahmad said the MARDI Technology Test Bed Laboratory is a food processing technology laboratory equipped with modern machines for small-scale production of selected food products.

He said the laboratory also offers processing facilities, expertise and quality analysis services needed to initiate and manage technological and business innovation processes.

"The Melaka MARDI Technology Test Bed Laboratory, which has been awarded the MeSTI food safety certification by the Health Ministry will focus on baking technology for the production of breads, cakes, biscuits, croissants and sweets such as dodol.

"This test bed laboratory is a one-stop centre for entrepreneurs to acquire direct knowledge and technology advisory services and I hope entrepreneurs in the state would take advantage of the technologies introduced by MARDI to help improve our traditional enterprises," he said.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/12/2020	SINAR HARIAN	ONLINE	

## Agrobank terbitkan buku khas



SHAH ALAM - Agrobank melancarkan penerbitan buku khas bertajuk 'Kesan Covid-19 dan Jaminan Bekalan Makanan Negara – Isu, Cadangan dan Solusi' secara maya melalui laman Facebooknya pada Sabtu.

Pengerusinya, Datuk Mustapha Buang berkata, penerbitan itu merupakan kompilasi artikel nukilan pemain-pemain penting dalam industri pertanian dan mengupas isu, cabaran dan solusi berkaitan jaminan bekalan makanan akibat penularan pandemik Covid-19.

"Penerbitan buku ini bertepatan dengan situasi semasa dunia untuk memberi sedikit sebanyak maklumat dan panduan kepada komuniti agro secara khusus dan rakyat Malaysia secara amnya akan kepentingan jaminan bekalan makanan terutamanya dalam menghadapi sebarang krisis," katanya dalam satu kenyataan.

Mustapha berkata, Agrobank komited menyediakan pelbagai program pembiayaan dan inisiatif yang melangkaui perbankan kepada pelanggannya, seperti penerbitan buku itu yang diberikan secara percuma kepada komuniti agro dan rakyat Malaysia seiring dengan pernyataan Visi Agrobank iaitu Memperkasakan Pertanian Melangkaui Perbankan.

"Semoga intipati di dalam buku ini dapat memberikan ilmu pengetahuan baru serta dapat dijadikan panduan kepada kita semua dalam perjuangan kita untuk meningkatkan kestabilan jaminan bekalan makanan negara," katanya.

Buku berkenaan memuatkan sembilan artikel dan dua kajian kes berkaitan jaminan bekalan makanan negara yang menerbitkan penulisan artikel daripada Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Haslina Abdul Hamid dan Ahli Majlis Penasihat Pertanian Negara (MPPN), Profesor Datin Paduka Fatimah Mohamed Arshad.

Turut terlibat dalam penghasilan buku itu ialah Felo Akademi Sains Malaysia, Datuk Dr. Madeline Berna dan Associate Penyelidik Kanan, Institut Penyelidikan Khazanah Dr. Sarena Che Omar serta agensi-agensinya berkaitan.

Buku ini diterbitkan secara fizikal dan digital yang boleh didapati dan dimuat turun di laman sesawang Agrobank iaitu [www.agrobank.com.my](http://www.agrobank.com.my).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/12/2020	MY METRO	ONLINE	

## NAFAS agih RM5.31 juta zakat



### BERNAMA

Tumpat: Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) mengagihkan sebanyak RM5.31 juta zakat secara wakalah kepada 26,550 asnaf di seluruh negara pada tahun ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II (MAFI), Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata zakat itu diagihkan menerusi pengerusi Pertubuhan Peladang Negeri (PPN), Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) serta beliau sendiri.

"Bantuan ini bukan sahaja memberi fokus kepada ahli Nafas, tetapi turut terbuka kepada asnaf memerlukan selain bertujuan meringankan beban mereka sepanjang mengharungi pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan bagi membendung penularan Covid-19," katanya kepada pemberita selepas melawat dan mengagihkan bantuan kepada 10 keluarga asnaf di Kampung Kok Pasir serta merasmikan program Nafas Prihatin, di sini hari ini.

Che Abdullah yang juga Ahli Parlimen Tumpat berkata selain peruntukan zakat, pihaknya turut memperuntukkan RM580,000 untuk bantuan pakaian dan peralatan persekolahan kepada anak ahli Nafas di seluruh negara.

Selain itu, sebanyak 290,000 bakul bantuan makanan diberikan bagi meringankan beban ahli keluarga asnaf, katanya.

Mengenai Program Nafas Prihatin, beliau berkata sebanyak RM490,000 diperuntukkan untuk membaik pulih rumah di seluruh negara bagi memberi keselesaan kepada keluarga yang memerlukan.

Sementara itu, Che Abdullah berkata sebanyak RM1.395 juta disalurkan oleh pihaknya bagi membantu ahli Nafas yang terjejas oleh Covid-19 dan daripada jumlah itu, sebanyak RM170,000 diberikan kepada 34 penerima dengan purata bantuan RM5,000 seorang.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/12/2020	BERNAMA	ONLINE	

## Nafas agih RM5.31 juta zakat babitkan 26,550 penerima di seluruh negara



Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Datuk Che Abdullah Mat Nawi (kanan) menziarahi Ariffin Dotan, 78, yang lumpuh pada Program Ziarah Peladang di Kampung Kok Pasir hari ini.

TUMPAT, 12 Dis -- Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) mengagihkan sebanyak RM5.31 juta zakat secara wakalah kepada 26,550 asnaf di seluruh negara pada tahun ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II (MAFI), Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata zakat itu diagihkan menerusi pengerusi Pertubuhan Peladang Negeri (PPN), Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) serta beliau sendiri.

"Bantuan ini bukan sahaja memberi fokus kepada ahli Nafas, tetapi turut terbuka kepada asnaf memerlukan selain bertujuan meringankan beban mereka sepanjang mengharungi pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan bagi membendung penularan COVID-19," katanya kepada pemberita selepas melawat dan mengagihkan bantuan kepada 10 keluarga asnaf di Kampung Kok Pasir serta merasmikan program Nafas Prihatin, di sini hari ini.

Che Abdullah yang juga Ahli Parlimen Tumpat berkata selain peruntukan zakat, pihaknya turut memperuntukkan RM580,000 untuk bantuan pakaian dan peralatan persekolahan kepada anak ahli Nafas di seluruh negara.

Selain itu, sebanyak 290,000 bakul bantuan makanan diberikan bagi meringankan beban ahli keluarga asnaf, katanya.

Mengenai Program Nafas Prihatin, beliau berkata sebanyak RM490,000 diperuntukkan untuk membaik pulih rumah di seluruh negara bagi memberi keselesaan kepada keluarga yang memerlukan.

Sementara itu, Che Abdullah berkata sebanyak RM1.395 juta disalurkan oleh pihaknya bagi membantu ahli Nafas yang terjejas oleh COVID-19 dan daripada jumlah itu, sebanyak RM170,000 diberikan kepada 34 penerima dengan purata bantuan RM5,000 seorang.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/12/2020	SINAR HARIAN	ONLINE	

## Nafas agih RM5.31 juta wakalah zakat ke seluruh negara



Che Abdullah (kanan) bertanya khabar kepada Mek Nab Ismail, 74, (kiri) mengenai suaminya Ariffin Dotan, 78, yang lumpuh sempena Program Ziarah Peladang di Kampung Kok Pasir hari ini.

TUMPAT - Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) mengagihkan sebanyak RM5.31 juta wakalah zakat yang dimanfaatkan kepada 26,550 asnaf di seluruh negara sepanjang tahun 2020.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II (MAFI), Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, agihan berkenaan dilakukan menerusi Pengerusi Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di bawah Nafas termasuk MAFI sendiri.

Menurutnya, sebanyak RM 3.91 juta wakalah zakat diagihkan menerusi Nafas kepada 19,500 asnaf manakala RM1.4 juta lagi diberikan kepada 7,000 penerima di seluruh negara.

"Kerajaan sentiasa prihatin mendalami dan meringankan beban rakyat di negara ini apatah lagi ketika mereka meneruskan kelangsungan hidup di musim pandemik Covid-19.

Che Abdullah (kanan) turut bertanya khabar kepada Ibrahim Ismail, 80, ketika hadir pada Program Ziarah Peladang di Kampung Kok Pasir hari ini.

"Bantuan ini bukan sahaja tertumpu kepada ahli peladang tetapi asnaf yang memerlukan juga turut diberikan perhatian," katanya kepada pemberita selepas menziarahi 10 keluarga asnaf peladang di Kok Pasir, Tumpat dan turut menyempumakan Program Nafas Prihatin di sini, hari ini.

Che Abdullah yang juga Ahli Parlimen Tumpat berkata, peruntukan zakat sebanyak RM 580,000 dikhususkan untuk bantuan pakaian dan peralatan persekolahan kepada keluarga memerlukan di seluruh negara manakala RM290,000 pula dikhaskan bagi agihan makanan.

Mengulas lanjut mengenai Program Nafas prihatin pula, Che Abdullah berkata, sebanyak RM490,000 diperuntukkan untuk membaikpulih rumah di seluruh negara bagi keluarga yang layak.

Pada masa sama Che Abdullah berkata, ahli peladang di seluruh negara yang terjejas akibat Covid-19 juga diberikan perhatian iaitu sebanyak RM1.395 juta diagihkan termasuk RM170,000 diberikan kepada 34 penerima di Kelantan dengan purata nilai RM5,000 setiap orang.

Dalam pada itu, mengulas mengenai program yang diadakan hari ini, Che Abdullah berkata, ia merupakan antara medium bagi merapatkan ukhwah serta membuktikan keprihatinan sosial dalam kalangan masyarakat.